

Ahli UMNO Kubang Pasu sifatkan Mahathir negarawan unggul

UM 23 JUN 2003

JITRA 22 Jun — Ahli-ahli UMNO Bahagian Kubang Pasu hari ini menyifatkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai negarawan unggul kerana bersedia memberi laluan untuk peralihan kuasa secara teratur ketika negara mahu memerlukan kepimpinan beliau.

Sehubungan itu, beberapa ahli bahagian itu yang dipimpin oleh Dr. Mahathir berkata, jarang berlaku di dalam dunia ini pemimpin yang sanggup melepaskan jawatan ketika mereka berada di puncak kejayaan dan semasa disayangi oleh rakyat.

Keputusan Dr. Mahathir yang akan meninggalkan jawatan tertinggi dalam parti dan kerajaan itu harus dihormati kerana proses peralihan kuasa itu dibuat dengan penuh bersopan dan tanpa rebutan.

Mereka juga menyifatkan jarang berlaku dalam suatu perhimpunan agung parti, ramai pemerhati bertumpu di dewan persidangan untuk mendengar ucapan pengumuman presiden.

Mereka kagum dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Ketua Bahagian Kubang Pasu kerana mampu mengawal perasaan sedih dan pilu semasa menyampaikan ucapan terakhir pada perhimpunan itu.

Ahli Jawatankuasa UMNO bahagian itu, **Aman Khan Md. Husain** berkata, beliau menghargai keikhlasan Dr. Mahathir untuk melepaskan jawatan dan ia mem-

perlihatkan seorang negarawan ulung.

“Saya turut terharu dengan penghormatan yang diberikan oleh seluruh ahli UMNO dan pemerhati hingga begitu ramai berada di dewan persidangan untuk menunggu ucapan pengumuman presiden,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Penghormatan

Walaupun ramai yang menjangka ucapan terakhir Dr. Mahathir akan berakhir dengan sayu dan kepiluan, tetapi beliau dapat mengawal perasaannya kali ini.

“Mungkin di dalam hati beliau menangis di saat itu kita tidak tahu...,” kata Aman Khan.

Ketua Pergerakan Pemuda Kubang Pasu, **Radzi Ayob** pula melihat sambutan pada hari terakhir perhimpunan semalam merupakan penghormatan kepada seorang pemimpin ulung negara dan juga pemimpin dunia.

Pejuang

“Kubang Pasu hanya menumpang tuah kerana ketua bahagiannya ialah pemimpin negara ini,” kata Radzi.

Menurutnya, walaupun berat untuk melepaskan beliau akan berundur ketika negara masih memerlukan kepimpinannya, tetapi Pemuda bahagian ini menghormati keputusan itu.

Dr. Mahathir bukan sekadar seorang pemimpin tetapi seorang pe-

juang bangsa dan agama, kata Radzi.

Setiausaha UMNO bahagian itu, **Shamsuddin Ahmad** memberitahu, penghormatan yang diberikan oleh ahli UMNO kepada Dr. Mahathir di hari terakhir persidangan semalam adalah di luar dugaan.

“Saya yakin pesanan kepada orang Melayu semalam akan menjadi ingatan untuk kejayaan orang Melayu dan negara ini,” katanya lagi.

Shamsuddin juga berkata, tidak ramai pemimpin melepaskan jawatan semasa disukai rakyat, tetapi peralihan kuasa di negara ini berlaku dalam penuh tradisi dan kesopanan.

Sumbangan

Beliau berkata kesanggupan Dr. Mahathir untuk terus berjuang bagi memajukan bangsa walaupun tiada lagi memegang jawatan dalam parti perlu direnungi oleh seluruh ahli dan pemimpin parti.

Naib Ketua Pemuda bahagian, **Zulfitri Yacob** pula menyifatkan Dr. Mahathir seorang pemimpin yang hebat dan sukar dicari ganti atas sumbangannya yang tidak ternilai kepada rakyat Malaysia dan penduduk Kubang Pasu, khususnya.

“Bagaimanapun kita harus faham, seperti manusia yang lain beliau juga inginkan kehidupan seperti orang biasa,” katanya.